



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PROSEDUR OPERASI STANDARD

#### FASA KEDUA PELEPASAN BARANGAN BUKAN KEPERLUAN ASAS DI PELABUHAN-PELABUHAN UTAMA NEGARA

---

#### TUJUAN

Prosedur operasi standard ini diwujudkan sebagai panduan umum bagi mempercepatkan kerja-kerja pelepasan kargo/kontena yang bertujuan untuk mengelakkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama negara bermula pada hari Sabtu, 4 April 2020 hingga Selasa, 7 April 2020.

#### PROSEDUR

1. Kebenaran diberikan terhadap barang selain daripada barang penting (*non-essential cargo/container*) yang telah mendapat pelepasan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sahaja untuk dikeluarkan dari pelabuhan dan dihantar ke gudang/premis

yang berada di luar kawasan pelabuhan dalam tempoh-tempoh tertentu bagi mengurangkan kesesakan di pelabuhan.

2. Tempoh pergerakan yang dibenarkan adalah bermula pada jam 0001 hari Sabtu, 4 April 2020 hingga jam 2359 hari Selasa, 7 April 2020 untuk tempoh masa 24 jam selama 4 hari sepeleknya yang dimaklumkan oleh pihak kementerian.
3. Penentuan jumlah kargo/kontena yang terlibat termasuk jumlah pemandu kenderaan akan ditentukan oleh Suruhanjaya/Lembaga Pelabuhan bersama pihak-pihak yang terlibat.
4. Syarikat pengangkutan perlu memastikan pemandu-pemandu *prime mover* tidak mempunyai gejala wabak COVID-19 dan mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya seperti menggunakan topeng muka dan *hand sanitizer*. Prosedur *temperature screening* akan dibuat oleh syarikat pengangkutan pada setiap hari dan masa yang tertentu dan pihak terminal juga melaksanakan prosedur yang sama setiap kali menerima kemasukan di terminal selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pemandu yang menunjukkan simptom wabak COVID-19 iaitu suhu badan melebihi 38 darjah Celsius tidak akan dibenarkan bertugas atau memasuki kawasan terminal.
5. Selain daripada itu, syarikat pengangkutan juga perlu memastikan perkhidmatan *haulier* yang terlibat mempunyai pengenalan seragam (seperti bendera berwarna merah) bagi memudahkan pihak berkuasa menjalankan tugas dan pemantauan.

6. Gudang/premis yang menerima kontena yang mengandungi barang selain daripada barang penting (*non-essential cargo/container*) perlu memastikan hanya 5 orang pekerja sahaja dibenarkan untuk memunggah kargo/kontena konvensional pada satu-satu masa seperti berikut:

### **CONTOH A**

Jumlah gudang yang akan beroperasi bagi pemunggahan kontena:

$$8,000 \text{ TEUs} \div 10 \text{ TEUs bagi satu gudang} = 800 \text{ gudang}$$

$$800 \text{ gudang} \times 5 \text{ orang pekerja} = 4,000 \text{ orang pekerja sehari}$$

### **CONTOH B**

Jumlah gudang yang akan beroperasi bagi pemunggahan kargo konvensional:

$$12,000 \text{ tan} \div 1,200 \text{ tan bagi satu gudang} = 10 \text{ gudang}$$

$$10 \text{ gudang} \times 5 \text{ orang pekerja} = 50 \text{ orang pekerja sehari}$$

7. Operator gudang/premis perlu memastikan pekerja-pekerja yang bertugas tidak mempunyai gejala wabak COVID-19 dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya seperti melakukan *temperature screening* dan menggunakan topeng muka serta *hand sanitizer*.
8. Maklumat mengenai jumlah gudang/premis pengimport atau pengeksport perlu dikemas kini dari semasa ke semasa oleh pihak-

pihak yang terlibat kepada Suruhanjaya/Lembaga Pelabuhan bagi tujuan rekod dan pemantauan di sepanjang tempoh masa kebenaran yang diberikan.

9. Kebenaran ini juga merangkumi barang siap selain daripada barang siap penting (*non-essential finished product*) untuk diambil dari gudang/premis di luar kawasan pelabuhan yang dihantar ke pelabuhan bagi tujuan eksport. Untuk tujuan ini, pihak pengeksport dan syarikat pengangkutan boleh merancang pergerakan *haulier/pengangkutan* yang akan menghala balik ke pelabuhan selepas menghantar barang *non-essential*. Proses ini serba sedikit akan dapat mengurangkan kesesakan di premis pengimport atau gudang.
10. Prosedur Operasi Standard ini terpakai secara amnya kepada semua pelabuhan yang berkaitan dan pihak Suruhanjaya/Lembaga Pelabuhan berhak untuk menetapkan apa-apa peraturan atau prosedur tambahan yang difikirkan perlu dan bersesuaian selaras dengan punca kuasa Akta/Peraturan yang berkaitan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**3 APRIL 2020**